



“KAIFIAT SOLAT GERHANA BULAN”

Solat dua rakaat:

Rakaat pertama :

- 1- Niat : $\text{أُصَلِّيُ سُنَّةَ خُسُوفِ الْقَمَرِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى}$
(Sahaja aku solat sunat Gerhana Bulan dua rakaat kerana Allah Ta'ala) .
- 2- Membaca doa iftitah
- 3- Membaca surah Al-Fatihah
- 4- Membaca surah Al-Baqarah atau sekadar yang termampu atau mana-mana surah yang sederhana panjang.
- 5- Ruku' - membaca tasbih sekadar masa membaca 100 ayat atau sekadar yang termampu.
- 6- 'Iktidal
- 7- Membaca surah Al-Fatihah
- 8- Membaca surah Ali 'Imran atau sekadar yang mampu atau mana-mana surah yang sederhana panjang
- 9- Ruku' - membaca tasbih sekadar masa membaca 80 ayat atau sekadar termampu .
- 10- 'Iktidal
- 11- Sujud yang pertama - membaca tasbih sekadar masa 100 ayat atau sekadar termampu .
- 12- Duduk antara dua sujud
- 13- Sujud kedua - membaca tasbih sekadar masa membaca 80 ayat atau sekadar termampu .



Rakaat kedua:

- 1- Berdiri – Membaca surah Al-Fatihah
- 2- Membaca surah An-Nisa' atau surah lain sekadar yang termampu atau mana-mana surah lain yang sederhana panjang .
- 3- Ruku' - membaca tasbih sekadar masa membaca 70 ayat atau sekadar termampu .
- 4- 'Iktidal
- 5- Membaca surah Al-Fatihah
- 6- Membaca surah Al-Maidah atau sekadar yang mampu atau mana-mana surah yang sederhana panjang .
- 7- Ruku' - membaca tasbih sekadar masa membaca 50 ayat atau sekadar yang mampu .
- 8- 'Iktidal
- 9- Sujud yang pertama - membaca tasbih sekadar masa 70 ayat atau sekadar yang mampu.
- 10- Duduk antara dua sujud
- 11- Sujud kedua - membaca tasbih sekadar masa 50 ayat atau sekadar yang mampu
- 12- Membaca tahiyat akhir
- 13- Memberi salam.

* Sekiranya tidak mampu membaca surah-surah yang panjang adalah dicadangkan surah-surah yang berikut :

Rakaat pertama : Suratul A'la



Suratul-Ghasiah

Rakaat kedua : Suratud Dhuha
Suratul-Insyirah (Alam Nasyrh)

Selepas solat sunat dibaca khutbah :

Khutbah kerana gerhana ini dilakukan dua kali dengan mengikut rukun-rukunnya seperti yang terdapat dalam Khutbah Jumaat. Khutbah gerhana tidak dikehendaki bertakbir seperti khutbah hari raya, walau bagaimana pun dua khutbah bukanlah menjadi syarat bagi sah Solat Gerhana.



“KHUTBAH GERHANA BULAN”

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ - 9 كَالِي
الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرَ آيَتَيْنِ لِأُولَى
الْأَبْصَارِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.



أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Bukan taqwa yang hanya diucapkan di bibir semata-mata, tetapi taqwa yang dinyatakan di dalam ucapan dan dibuktikan di dalam perbuatan. Iaitu segala ucapan dan perbuatan kita sentiasa berpegang dan berlandaskan apa yang telah disyariatkan oleh Allah melalui agama yang lurus, iaitu agama Islam. Kerana sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah hanyalah agama Islam.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

التَّقْوَى هَاهُنَا — "Taqwa itu di sini" .

Sambil menunjukkan ke dadanya 3 kali.

Hadhirin dan hadhirat yang dikasihi,

Apabila kita perhatikan segala yang terjadi baik di langit mahu pun di bumi, kesemuanya itu menunjukkan betapa besarnya kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. Untuk itu menjadikan orang-orang yang beriman agar sentiasa mengingati betapa kejadian langit dan bumi yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah perkara yang sia-sia, tetapi sebaliknya penciptaan Allah Subhanahu Wata'ala tersebut adalah penuh hikmah, hal ini telah dijelaskan dalam Al-Quran sebagai berikut :



Sekiranya kedudukan bumi berubah, perjalanan siang, malam, tahun dan musim turut berubah. Dengan kecondongan bumi sebanyak 23 .5 darjah, Allah telah memelihara sistem empat musim : musim panas, sejuk, bunga dan luruh. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 190:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ
لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran siang dan malam, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal" .

Salah satu tanda kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam peredaran bulan, matahari dan bumi, adalah Gerhana Bulan. Gerhana berlaku ketika fasa purnama (bulan penuh) di mana bumi berada sesatah dengan garisan bulan dan matahari. Ketika itu cahaya matahari yang biasanya sampai sepenuhnya ke bulan menjadi terhalang oleh bumi. Tompokan gelap di permukaan bulan ketika berlakunya gerhana sebenarnya adalah bayang-bayang bumi yang jatuh di permukaan bulan. Gerhana penuh berlaku, apabila keseluruhan jasad bulan memasuki dalam kawasan umbra. Ketika itu bulan kelihatan terapung-apung di angkasa dalam keadaan tidak bercahaya. Pemerhati-pemerhati di bumi akan dapat melihat warna bulan ketika ini berwarna merah tembaga, sebagai kesan pembalikan cahaya dari luar kawasan umbra.



Pada malam ini kita berkumpul untuk menghayati kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan menunaikan solat Gerhana Bulan kerana mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. :

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ
تَعَالَى يُرِيهُمَا عِبَادَةً، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَافْزَعُوا إِلَى
الصَّلَاةِ.

"Wahai manusia, sesungguhnya Gerhana Matahari dan Bulan keduanya merupakan daripada tanda-tanda kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, yang Allah perlihatkan kepada hamba-hamba-Nya, maka apabila kamu melihat berlaku perkara itu, hendaklah segera berlindung melakukan solat".

Solat sunat Gerhana Bulan hukumnya adalah sunat muakkad, disyariatkan pada tahun kelima hijrah. Di antara tujuan solat ini disyariatkan adalah supaya orang Islam kembali dan bermunajat kepada 'Azza Wajalla agar dihindarkan daripada bala' dan dikembalikan cahaya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim bermaksud:

"Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua-duanya tidak gerhana disebabkan kematian seseorang dan kerana hidupnya seseorang. Oleh itu, apabila melihat gerhana berlaku, maka bersolat dan berdoa sehingga hilang apa yang berlaku (menimpa) kamu iaitu bala' kegelapan".



Di samping itu, dengan adanya gerhana ini hendaklah dijadikan pelajaran bagi kita, bahawa kita yang kini dalam keadaan sihat wal'afiat, tidak mustahil pada waktu-waktu tertentu juga akan ditimpa musibah, maka kita manfaatkanlah waktu umur kita sebaik-baiknya, untuk beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha mencari bekal sebagai persiapan di saat kita menemui Allah kelak. Hal ini memang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

اِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: حَيَاتِكَ قَبْلَ مَوْتِكَ وَصِحَّتِكَ
قَبْلَ سَقَمِكَ وَفَرَاغِكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَشَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ
وَعِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ.

.(Rawahul Baihaqi)

“Rebutlah lima perkara sebelum kedatangan lima perkara yang lain iaitu: Masa hidupmu sebelum datang ajalmu. Masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu. Masa lapangmu sebelum datang masa sibukmu. Masa mudamu sebelum datang masa tuamu. Masa kayamu sebelum datang masa fakirmu”.

Sementara umur yang ada ini, marilah kita gunakan dengan melakukan kebaikan dan kebajikan. Perbanyakkanlah bersedekah, kerana bersedekah dapat menolak bala' dengan menambahkan ganjaran pahala dan keluasan rezeki. Orang yang bersedekah akan mendapat perlindungan Allah daripada api neraka. Sesungguhnya dengan melakukan kebaikan juga dianggap sebagai sedekah, begitu juga menahan diri daripada melakukan kejahatan juga sebagai sedekah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:



عَلَىٰ كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ فَقَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَمَنْ لَمْ
يَجِدْ؟, قَالَ: يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَيَنْفَعُ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ. قَالُوا:
فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟, قَالَ يُعِينُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوفَ قَالُوا: فَإِنْ
لَمْ يَجِدْ؟, قَالَ: فَلْيَعْمَلْ بِالْمَعْرُوفِ وَلْيُمْسِكْ عَنِ الشَّرِّ.

(Rawahul Bukhari) .

“Atas setiap orang Islam itu sedekah. Lalu sahabat bertanya: Ya Nabiyyallah, bagaimana mereka yang tidak ada yang hendak disedekahkan?. Jawab Baginda: Ia bekerja dengan dua tangannya lalu memberi manfaat kepada dirinya, dan ia bersedekah kepada orang lain. Sahabat bertanya lagi: Jika ia tidak ada? jawab Baginda: Membantu orang berhajat yang sangat memerlukan. Mereka bertanya seterusnya, Jika tidak ada? jawab Baginda: Maka hendaklah melakukan segala kebajikan dan menahan diri daripada melakukan kejahatan”.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati,

Menginsafi bahawa dunia ini semakin berusia dan ajal kita tidak akan diketahui bila akan tiba, marilah kita segera bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Di samping menyesali dosa-dosa yang telah lalu dan berazam untuk tidak mengulanginya pada masa akan datang.



Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah At-Tahrim ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah (meminta dihapuskan dosa kamu) dengan taubat nasuha. Mudah-mudahan Tuhan akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai”.

Begitulah hendaknya kita benar-benar memanfaatkan kesempatan yang ada dengan sebaik-baiknya, untuk bertaqarrub kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya sehingga mampu untuk menjalankan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga gerhana ini akan menjadikan kita lebih bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta terhindar berlakunya berbagai perkara yang tidak diinginkan. Amin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَىٰ
اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ



(At-Taubah : 51) .

“Katakanlah (wahai Muhammad), tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakkal”.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

دمع/حس**



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز
شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.



اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ﴿٩١﴾ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

DMajid/hhas**